



### Program Ziarah Ramadhan Bantu Pelajar UPM



**SERDANG, 1 September** – Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan program Ziarah Amal Ramadan bagi membantu pelajar-pelajar fakir UPM menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Seramai 17 orang pelajar UPM daripada keluarga fakir miskin dan daif diberi bantuan zakat RM1,000 berserta barang dapur bernilai RM200.

Program bertujuan membantu pelajar dan keluarga mereka untuk membuat persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri dengan lebih sempurna.

Program tahunan kali ketiga itu memulakan penyerahan bantuan kepada tiga pelajar dari Sabah dan Sarawak yang tidak pulang berhari raya kerana kesempitan wang.



Baki serahan kepada 14 pelajar lagi akan dihantar oleh wakil BHEP kepada rumah pelajar terbabit di kampung masing-masing.

Pelajar Bacelor Pendidikan Sains Rumah tangga, B.B Atika Yusof dari Tawau, Sabah berkata sumbangan itu adalah kali pertama yang diterimanya.

"Saya bersyukur kerana UPM mengambil berat terhadap kami yang susah," katanya yang berasal dari Tawau, Sabah.

Pelajar Bacelor Pendidikan Moral dari Kota Belud Sabah, Ramadhan Muntaha pula berkata beliau bersyukur kerana terpilih daripada ramai pelajar yang memohon bantuan.



"Saya berharap sumbangan ini boleh membantu bapa saya yang berpendapatan sebanyak RM150 sebulan sebagai petani," katanya lagi.

**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.  
(Mohd Faisal Md Noor, 03-89466013, Fotografi Marina Ismail dan Noorazreen Awang,  
03-89466199).**

---

Hak Cipta Terpelihara 2007  
Universiti Putra Malaysia